

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HLT 403 Tajuk-Tajuk Di Dalam Teater dan
Drama Asia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Isu agama sentiasa dijadikan tumpuan oleh Rabindranath Tagore di dalam skrip-skrip dramanya. Bagi pendapat anda apakah pendirian Tagore terhadap agama Hindu? Anda diminta menggunakan skrip-skrip drama pilihan untuk menggambarkan perbincangan anda.
2. "Drama Mohan Rakesh One Day in Ashadah dan The Great Swans of the Waves menggunakan simbolisme dengan cara yang begitu menarik dan sofistikated." Merujuk kepada kedua-dua skrip drama tersebut bincangkan ulasan ini.
3. "Walaupun Asif Currimbhoy berjaya menghasilkan lebih daripada tiga puluh buah skrip drama, dari segi kandungan, isu-isu yang dibangkitkan serta juga dari segi kematangan stail, pencapaiannya sebagai seorang dramatis masih diragukan." Dengan rujukan kepada sekurang-kurangnya dua [2] buah skrip drama Asif Currimbhoy bincangkan ulasan ini.
4. Ramai dramatis moden di India tertarik kepada zaman kerajaan-kerajaan Islam di India. Dengan merujuk kepada skrip drama yang ditulis sekurang-kurangnya oleh dua [2] orang dramatis, bincangkan kegunaan bahan-bahan seperti itu, serta tujuan penulis.

5. **SAMA ADA**

[a] Apakah isu-isu penting yang dapat kita temui di dalam drama-drama hasil karya Badal Sircar? Bagaimanakah dari segi teknik persembahan luar biasa yang digunakan oleh Badal Sircar, visi penulis itu dapat disampaikan kepada para penonton?

ATAU

[b] Dengan rujukan kepada skrip-skrip drama pilihan bincangkan pengaruh Barat di dalam konsepsi teater Badal Sircar serta teknik persembahannya.

6. Utpal Dutt merupakan seorang tokoh teater India yang terpenting dan amat berpengaruh. Bagi pendapat anda, apakah ciri-ciri yang terdapat di dalam karya serta pementasannya yang melayakkan Utpal Dutt dianggap sebagai seorang tokoh teater India yang terkemuka?
7. Vijay Tendulkar dan juga Pratap Sharma menonjolkan isu-isu feminism di dalam karya mereka. Pilih **dua [2]** buah skrip drama (satu hasil karya Tendulkar dan satu lagi hasil karya Sharma) dan seterusnya gambarkan bagaimana tema feminism itu dikembangkan.

-ooooooo-